

21/06/1998

Malaysia mohon pinjaman tambahan

KUALA LUMPUR: Malaysia mahu memohon pinjaman tambahan daripada Bank Dunia untuk merangsang ekonomi negara bagi menghadapi kegawatan ekonomi ketika ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia amat memerlukan dana sebanyak mungkin dan bersedia menerimanya jika Bank Dunia menghulurkan lebih banyak pinjaman.

"Ya, kita akan meminta (pinjaman) lebih... RM700 juta, RM1 bilion, kita akan terima. Kalau kita boleh dapat lebih banyak daripada itu, kita akan minta," katanya dalam sidang akhbar pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Baru-baru ini, Bank Dunia memberi bantuan AS\$300 juta (RM117 bilion) kepada Malaysia untuk melaksanakan program sosial seperti masalah sosial, termasuk perumahan.

Mengenai dakwaan perwakilan berkenaan pengedaran buku yang dikenakan sekatan mahkamah dalam perhimpunan kali ini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, menegaskan Umno masih belum menyiasat perkara itu.

"Kita tidak tahu siapa buat, mengapa dia buat (dan) sama ada apa dinyatakan itu mempunyai asas atau sama ada premis itu terlibat," katanya sambil menambah, Sekretariat Umno akan menyiasat perkara itu.

Ditanya sama ada tindakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan dikenakan terhadap mereka yang terbabit, Perdana Menteri berkata, peraturan berkenaan tidak digunakan untuk cara itu.

"Kita tak guna ISA macam itu. Sekarang ini yang ditahan hanya mereka yang terlibat dengan dadah dan sebagainya, atau berkenaan dengan penipuan seperti pemalsuan pasport dan sebagainya.

"Tidak ada tahanan politik mengikut ISA. Malangnya apabila seorang ahli politik dihadapkan ke mahkamah, itu pun tak kena juga. Apabila orang pembangkang, dia orang istimewa dan satu privilege... Tak boleh dihadapkan ke mahkamah, itu pun salah," katanya.

Mengenai sama ada politik wang masih wujud dalam parti, beliau menjelaskan masalah itu bukan baru dan disentuh dalam sesi khas Perhimpunan Agung Umno tahun lalu.

Apabila diberitahu bahawa pemilihan parti akan berlangsung tahun depan yang mungkin menggalakkan perkembangan amalan negatif terbabit, Perdana Menteri mengakui masalah itu sukar dibendung.

"Memang kita cuba elakkan daripada berlaku politik wang, tetapi kadang kala susah sikit. Umpamanya wang dah diguna dalam election tapi kalau ada orang dihantar ke luar negara, kadang-kadang buat umrah, itu pun politik wang juga," katanya.

Ketika ditanya sama ada wujud perbezaan pendapat di antara beliau dan Anwar mengenai pengganti Presiden, Dr Mahathir menolak pandangan itu.

"Tak ada perbezaan, itu kenyataan tidak tepat. Saya beritahu Anwar, saya akan sokong penyandang, tidak ada perubahan (pendapat)," katanya.

(END)